

**PIKAU**  
Blue-breasted Quail

Famili: Phasianidae  
NAMA SAINTIFIK: *Coturnix chinensis*



**CIRI-CIRI**

Burung dewasa mempunyai bahagian dahi, atas kepala dan dada yang berwarna biru. Bahagian bawah dada sehingga bawah tongkeng pula berwarna coklat buah berangan. Bahagian atas badan berwarna gelap, tekak berwarna hitam dengan jalur-jalur putih serta tompokan putih di bahagian atas dada. Burung betina bersaiz agak kecil, lebih pudar, warna bahagian atas badan lebih seragam dengan jalur-jalur putih yang kurang jelas. Terdapat garisan kuning di bahagian atas mata, tepi tekak dan atas leher. Jalur-jalur hitam di bahagian dada dan juga garisan halus yang berwarna gelap di bahagian pipi. Bagi burung juvenil pula, ia hampir sama dengan burung betina tetapi warna kuning kemerahan di bahagian kepala dan leher agak kurang jelas dengan bintik-bintik coklat-kehitaman dan putih di dada agak lusuh.

**SAIZ**

Panjang keseluruhan bagi burung dewasa adalah di antara 13.0 m-15.0 sm. Berat 20 g-57 g.

**MAKANAN**

Serangga, invertebrata, biji-bijian, buah-buahan, dan pucuk-pucuk tumbuhan.

**HABITAT**

Ia mendiami kawasan berumput yang kering, kawasan semak dan kawasan perladangan. Spesies ini boleh dijumpai sehingga ketinggian 1,300 m dari aras laut.

**BUNYI**

Burung jantan biasanya mengeluarkan bunyi kawalan kawasan **ti-yu ti-yu**.

**TABIAT**

Biasanya bergerak dalam kumpulan 6-7 ekor.

**PEMBIAKAN**

Musim membiak adalah sepanjang tahun. Sarang dibina di atas tanah dan burung betina boleh menghasilkan 4-8 biji telur. Telur berwarna oren-kekuningan ke kuning buah zaitun dengan bintik-bintik kehitaman. Anggaran saiz telur adalah 24.5 x 19 mm.

**STATUS**

Akta 76/72, dilindungi.